UUM NEWS HIGHLIGHTS

New Straits Times | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH | Sinar | Star | Metro

Date: 3/10/2026 Page: 14

Minda.

UUM/AA88/HM/03.10.2026/P:14(1-4)

CABARAN TIDAK BERADA DI KAMPUS & TIDAK BERSEMUKA PENSYARAH

JANGAN BIARKAN PELAJAR ODL BERJUANG SENDIRIAN

Bersama
Dr Mawarny Md Rejab





TEKNOLOGI perlu menjadi jambatan yang mendekatkan pelajar ODL kepada ilmu, pensyarah dan komuniti universiti. - Gambar hiasan

Pendidikan Terbuka dan Jarak Jauh atau lebih dikenali sebagai *Open and Distance Learning* (ODL) kian berkembang dan menjadi pilihan pada masa kini terutama pada mereka yang sedang bekerja dan memilih untuk belajar tanpa hadir ke kampus. Keterbatasan masa dan ruang untuk bersemuka dengan pensyarah atau berhubung dengan staf pengurusan di kampus memerlukan platform teknologi maklumat (IT) yang canggih dan komprehensif bagi menyokong keperluan pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan pelajar.

Penggunaan platform pembelajaran dalam talian, aplikasi digital, perisian yang diintegrasikan dengan kecerdasan buatan (AI) dan pelbagai sistem sokongan nadi utama dalam penawaran program ODL. Persoalannya, adakah universiti yang lengkap dengan teknologi sudah cukup untuk menjamin proses pembelajaran yang berkualiti dalam kalangan pelajar ODL?

Dalam pelaksanaan program ODL, cabaran yang dihadapi pelajar menjadi lebih ketara kerana mereka tidak sentiasa berada di kampus dan tidak berpeluang untuk bersemuka dengan pensyarah mahupun staf pentadbiran. Justeru, universiti perlu menyediakan sistem sokongan yang mudah dicapai pada bila-bila masa sahaja dalam usaha membantu pelajar menangani masalah akademik, teknikal dan sokongan peribadi.

Perkhidmatan bantuan pelajar juga tidak seharusnya bergantung kepada e-mel atau panggilan telefon semata-mata. Sebaliknya, saluran seperti *helpdesk* dalam talian, chatbot dan sistem aduan bersepadu boleh memudahkan pelajar mendapatkan bantuan serta maklum balas dengan lebih cepat. Malah, setiap permintaan dan aduan boleh direkodkan dalam sistem untuk memudahkan tindakan susulan dan rujukan pada bila-bila masa.

Risiko yang sangat tinggi akan dihadapi apabila kebarangkalian untuk staf terlepas pandang e-mel penting yang dihantar oleh pelajar jika tiada sistem rekod yang teratur untuk menyimpan log fail aduan atau permintaan pelajar. Keadaan ini boleh menyebabkan aduan atau permintaan pelajar tidak diuruskan dengan segera dan akhirnya menjejaskan proses pengajian pelajar.

Dalam situasi tertentu, kelewatan menguruskan permintaan pelajar boleh membawa kesan yang lebih besar termasuk menyebabkan pelajar terlepas tarikh peperiksaan gantian, gagal menyelesaikan keperluan pengajian atau menjejaskan kelancaran proses graduasi. Keadaan sebegini bukan sahaja memberi kesan kepada prestasi akademik, malah boleh menimbulkan kekecewaan dalam kalangan pelajar.

Oleh itu, sistem sokongan pelajar yang cekap, tersusun dan mudah dicapai amat penting dalam memastikan pembelajaran ODL berjalan lancar. Sokongan yang pantas dan pengurusan aduan yang bersistematik bukan sekadar menyelesaikan masalah, tetapi turut mencerminkan keupayaan universiti dalam memastikan kebajikan dan kejayaan pelajar dijaga dengan baik.

Pada masa sama, sokongan seperti kaunseling dalam talian dan aktiviti pelajar juga penting bagi memastikan pelajar ODL tidak berasa terasing sepanjang mengikuti pengajian. Walaupun tidak berada di kampus secara fizikal, mereka tetap perlu berasakan bahawa mereka mendapat sokongan dan perhatian daripada universiti yang sama seperti yang dirasai oleh pelajar konvensional yang berada di kampus sepanjang pengajian.

Pensyarah juga memainkan peranan penting dalam memastikan transformasi digital berjaya. Mereka bukan sahaja perlu menguasai teknologi, tetapi juga memahami bagaimana teknologi boleh digunakan untuk mewujudkan pembelajaran yang lebih interaktif, inklusif dan bermakna kepada pelajar ODL. Sokongan konsisten dan responsif daripada pensyarah amat penting bagi memastikan pelajar ODL terus mengikuti proses pembelajaran dengan baik dan tidak berasa terpinggir sepanjang pengajian.

Ukuran kejayaan ODL bukanlah bergantung kepada berapa banyak aplikasi atau sistem yang dimiliki, tetapi sejauh mana teknologi benar-benar membantu pelajar belajar dengan lebih mudah, inklusif dan bermakna. Sokongan kepada pelajar ODL perlu menyeluruh, bermula sejak hari mereka mendaftar, sepanjang proses pembelajaran, sehinggalah mereka menamatkan pengajian.

Dalam kerangka Malaysia MADANI, transformasi digital pendidikan harus dipacu bukan sekadar oleh kecanggihan teknologi, tetapi oleh nilai kemanusiaan, keadilan dan tanggungjawab. Dengan sistem sokongan digital mantap dan komprehensif, pelajar ODL tidak seharusnya berasa jauh atau tersisih daripada dunia kampus. Sebaliknya, teknologi perlu menjadi jambatan yang mendekatkan mereka kepada ilmu, pensyarah dan komuniti universiti.

Penulis Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pengkomputeran Universiti Utara Malaysia (UUM)

SIDANG PENGARANG
Metro
Pengarang Kumpulan Harian Metro **Husain Jahit** | Pengarang Eksekutif (Kandungan) **Muhamad Safar Ahmad** | Pengarang Eksekutif (Pengeluaran) **Yusri Abdul Malak**